
AUTHOR: Noor Hidayah Tanzizi SECTION: SETEMPAT PAGE: 6 PRINTED SIZE: 643.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 25,233.00 ITEM ID: MY0056229817



31 OCT, 2023

Elak ketirisan turut dinikmati warga asing

Harian Metro, Malaysia

PENAMATAN SUBSIDI AYAM, SUBSIDI TELUR GRED A, B DAN C DILANJUT

Elak ketirisan turut dinikmati warga asing

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula 1 November ini (esok), namun melanjutkan pemberian subsidi dan harga kawalan telur gred A, B dan C mengikut mekanisme sedia ada.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penamatan subsidi secara pukal itu untuk mengurangkan ketirisan subsidi yang ketika ini turut dinikmati warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Menurutnya, penamatan harga kawalan ayam juga menyokong kemampanan industri pengeluaran ayam tempatan di samping dapat meningkatkan pelbagai inisiatif sosial ekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

"Penamatan subsidi ayam mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam yang sudah mula stabil yang menyumbang kepada harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling.

"Kerajaan akan memastikan harga jualan ayam yang akan diapungkan terus berada pada kadar munasabah selain akan meluaskan akses kepada bekalan ayam melalui Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah secara berterusan di seluruh negara bagi memberi pilihan serta jaminan kepada rakyat untuk mendapatkan bekalan ayam berpatutan dan di bawah harga siling semasa," katanya pada sidang media khas di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini, semalam.

Sejak Februari 2022, kerajaan menanggung RM3.8 billion untuk subsidi telur dan ayam, justeru penamatan subsidi dan kawalan harga ayam itu, dijangka dapat menjimatkan kira-kira RM100 juta sebulan yang diperuntukkan untuk subsidi bahan mentah berkenaan.

Mohamad berkata, kerajaan sudah mendapatkan komitmen daripada pemain industri supaya harga ayam di ladang yang dikeluarkan tidak mencatatkan kenaikan ketara hingga akan membebankan pengguna.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga akan melaksanakan pemantauan serta penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011).

Katanya, ia bagi memastikan tiada aktiviti pengambilan untung berlebihan dan manipulasi harga oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab di peringkat runcit.

"Kita (masih) tak boleh dapat agak berapa (peningkatan harga apabila harga ayam diapungkan) tetapi kita yakin ia terkawal dan di bawah harga siling. Pihak kita berdialog dengan pihak pembekal dan mereka kata harga dijual murah pada harga siling, maka harga akan stabil apabila diapungkan nanti.

"Kita yakin harga tidak akan naik mendadak, jika naik kita akan siasat kerana bekalannya mencukupi. Beli ikut kegunaan biasa, jangan dua tiga hari ini beli (dalam jumlah banyak) untuk bekalaan, itu yang berlaku ketidakcukupan, jangan buat pembelian panik," katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan bersedia untuk mendapatkan bekalan tambahan daripada sumber luar jika terdapat kekurangan bekalan menyebabkan harga naik secara mendadak.

Katanya, selain itu kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan semua pihak untuk memastikan status bekalan dan harga ayam di ladang stabil sekali gus tidak akan membebankan rakyat serta tiada sebarang aktiviti pencatutan sepanjang rantaian bekalan berkenaan.

"Kerajaan akan terus memberi penumpuan untuk perkasakan industri penternakan ayam melalui insentif pembiayaan dana pusingan kepada penternak kecil dan sederhana serta skim mikro kredit sebagai bantuan modal pusingan kepada penternak komuniti serta program transformasi reban ayam terbuka kepada tertutup," katanya.

Sementara itu, katanya, kerajaan masih meneruskan pemberian subsidi dan kawalan harga telur bagi mengelakkan kenaikan harga bahan mentah itu yang dijangka boleh mencecah 10 sen sebiji.



Kerajaan akan memastikan harga jualan ayam yang akan diapungkan terus berada pada kadar munasabah selain akan meluaskan akses kepada bekalan ayam melalui Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah"

Mohamad Sabu

FLFAM jamin bekalan cukup

Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) memberi jaminan bekalan ayam mencukupi dan bersetuju dengan keputusan kerajaan untuk mengapungkan harga siling ayam pedaging.

FLFAM dalam kenyataan semalam berkata, tindakan itu menggalakkan pengembangan penternakan ayam pedaging dan pelaburan asing ke dalam sektor berkenaan yang akan mengukuhkan bekalan bahan mentah itu.

Menurutnya, ia juga sekali gus menyumbang secara positif kepada keselamatan bekalan makanan negara dan pihaknya memberi jaminan bekalan ayam pedaging dan telur adalah stabil dan dijangka memenuhi permintaan konsumer Malaysia.


"Berkaitan keputusan kerajaan untuk mengekalkan harga telur dan memberi subsidi kepada penternak telur, FLFAM mengalu-alukan usaha kerajaan untuk membolehkan B40 terus menikmati harga telur yang sangat berpatutan.

"FLFAM akan terus menyokong langkah kerajaan untuk memastikan bekalan ayam pedaging dan telur yang mencukupi dengan harga yang berpatutan kepada rakyat," katanya.



PEMBELI melihat ayam yang dijual di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



31 OCT, 2023

Elak ketirisan turut dinikmati warga asing

Harian Metro, Malaysia

SUMMARIES

PENAMATAN SUBSIDI AYAM, SUBSIDI TELUR GRED A, B DAN C DILANJUT

hidayah.tanzizi@hme - t ro.c om . m y Kuala Lumpur Kerajaan menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula 1 November ini (esok), namun melanjutkan pemberian subsidi dan harga kawalan telur gred A, B dan C mengikut mekanisme sedia ada.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.